

FILEM ANAKKU SAZALI: SEBAGAI JENDELA PENDIDIKAN

Satu Sudut Pandangan Pendidikan

Adi Badiozaman Tuah

1. Pengenalan

Perbincangan saya berkaitan dengan filem **Anakku Sazali** tertumpu kepada mesej pendidikan yang tersurat dan tersirat dalam proses pendidikan yang dilalui oleh dua watak utama dalam filem ini – **Hassan** dan **Sazali**. Antara sudut pandangan yang boleh digunakan untuk melihat proses pendidikan yang dialami Hasan dan Sazali untuk menjadi insan yang bertanggungjawab dan berguna kepada masyarakat ialah berkaitan dengan: pendidikan berasaskan komuniti dan pendidikan formal; pendidikan yang berjaya dan pendidikan yang gagal; dan antara tanggungjawab ibu bapa menjaga dan mendidik anak.

2. Tujuan Pendidikan

Sebagai permulaan, izinkan saya berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai tujuan pendidikan, sama ada secara am atau secara khusus dalam konteks masyarakat Islam. Amnya, tujuan pendidikan adalah untuk memperkasa individu dan masyarakat melalui pengembangan ilmu pengetahuan, penguasaan kemahiran, dan pengamalan nilai-nilai yang diperlukan untuk hidup berjaya, beretika, dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan dalam masyarakat. Ia bukan hanya berfungsi untuk menyampaikan maklumat akademik, tetapi juga untuk membantu pelajar membentuk karakter, perwatakan, dan kemahiran sosial yang penting dan berguna untuk kehidupan seharian dan juga untuk kelangsungan hidup yang berdigniti.

Proses pendidikan, sama ada formal, informal atau non-formal (pendidikan berasaskan komuniti) adalah bertujuan untuk: membangunkan potensi individu;

meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran; membentuk karakter dan memupuk nilai moral; mempersiapkan individu untuk kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat; mengurangkan jurang sosial dan ekonomi; meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan; menyediakan generasi muda untuk masa depan dan perubahan; dan menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat global dan alam sekitar.

Pendidikan syumul pula merujuk kepada pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu – kesepaduan antara pendidikan formal dan pendidikan berasaskan komuniti – tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek perkembangan akademik semata-mata, tetapi juga melibatkan pembangunan fizikal, mental, emosi, sosial, dan spiritual individu. Dalam konteks ini, pendidikan syumul bertujuan untuk membentuk insan rabbani – individu yang seimbang dari segi jasmani, rohani, dan intelek, dengan mengintegrasikan nilai-nilai keagamaan, moral dan etika dalam setiap aspek kehidupan.

Sehubungan ini, lima aspek utama tersebut dapat diuraikan seperti berikut:

- **Pendidikan Kerohanian dan Moral** (Menekankan nilai-nilai agama yang mendalam untuk membentuk individu yang mempunyai pegangan yang kukuh dalam kehidupan.);
- **Pendidikan Intelektual** (Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran intelektual untuk memastikan individu dapat berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah dengan bijaksana.);
- **Pendidikan Fizikal** (Meningkatkan kesihatan tubuh badan serta memupuk nilai disiplin dan kecergasan melalui aktiviti fizikal.);
- **Pendidikan Sosial** (Membina hubungan yang sihat dengan masyarakat dan menggalakkan sikap saling menghormati, bertolak ansur, dan bekerjasama.); dan
- **Pendidikan Emosi** (Meningkatkan kecerdasan emosi (EQ) dan kematangan peribadi, mengawal emosi dan membina keperibadian positif, dan dengan kebijaksanaan mengurus marah, sedih, kecewa dan stress, di samping membentuk empati, kasih sayang, rendah hati, dan sabar.)

Ditempatkan dalam konteks ini, pendidikan yang berkesan adalah proses pendidikan yang berpusatkan insan dan berfokuskan kemajuan mereka secara berterusan dan berpanjangan di mana pendidik atau pembimbing dilihat sebagai qudwah (contoh teladan) yang gigih menanam rasa cintakan ilmu – berbudaya ilmu, bukan hanya tentang penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknikal semata-mata. Dalam kata lain, ia melibatkan keupayaan mengawal emosi dan membentuk hati dan jiwa yang sentiasa bersyukur dan pasrah, dan menanam semangat keperhatinan dan kepedulian sosial.

Sama penting untuk difahami bagi membolehkan kita menempatkan proses pendidikan yang dialami oleh **Hassan** dan **Sazali** dalam konteksnya, adalah mengenai **ekosistem pendidikan**. Ekosistem pendidikan yang merujuk kepada keseluruhan sistem yang merangkumi pelbagai unsur yang saling berkait dan saling melengkapi untuk menyokong proses pembelajaran dan perkembangan seseorang individu, dan bukan hanya terhad kepada kemudahan fizikal seperti sekolah, bilik darjah atau prasarana teknologi, tetapi melibatkan pelbagai pihak, persekitaran, dan sumber, adalah berperanan penting dalam menyumbangkan kepada kejayaan atau kemenjadian pendidikan seseorang individu atau masyarakat secara menyeluruh dan bersepadu.

Unsur-unsur dalam ekosistem pendidikan merangkumi: **kanak-kanak** (fokus utama dalam sistem pendidikan kerana mereka yang menerima dan melalui proses pembelajaran); **guru dan pendidik** (penyampai ilmu, pemudahcara dan pembimbing kepada pelajar); **ibu bapa dan penjaga** (yang memberi dorongan, sokongan moral dan rasa kasih sayang); **institusi sekolah** (institusi pendidikan dan institusi sosial tempat pembelajaran secara formal berlaku); **kurikulum** (program – kandungan, struktur pembelajaran dan pentaksiran yang dirancang); **teknologi pendidikan** (alat digital dan platform yang menyokong pengajaran dan pembelajaran era modern); **persekitaran fizikal dan sosial** (infrastruktur, keselamatan, kebajikan, disiplin, dan budaya sekolah); **komuniti setempat dan NGO** (menyumbang kepada dan memberi sokongan sosial, pembangunan sahsiah, dan aktiviti luar bilik darjah); dan **kerajaan dan pembuat dasar** (menyediakan dasar, peraturan dan pembiayaan).

Dengan melihat dan memahami proses pendidikan dalam konteks sebuah **ekosistem**, sama ada sihat atau di sebaliknya, kita mudah menghayati bahawa kejayaan proses pendidikan membentuk pelajar atau membawa kepada kemenjadian individu tidak hanya bergantung kepada satu faktor sahaja, tetapi ia merupakan hasil kerjasama, keseimbangan dan interaksi yang saling melengkapi antara semua unsur yang terlibat.

3. Kesepaduan Pendidikan Berasaskan Komuniti dan Pendidikan Formal

Dalam filem **Anakku Sazali** yang mengangkat pelbagai isu sosial, termasuk kepentingan pendidikan dalam membentuk kemenjadian seseorang individu, terpapar tentang pentingnya kesepaduan yang saling melengkapi antara kedua-dua bentuk pendidikan – **pendidikan formal** dan **pendidikan berasaskan komuniti**. **Pendidikan formal** merujuk kepada sistem pembelajaran yang berlaku secara terancang dalam institusi seperti sekolah, dengan kurikulum yang tersusun berserta kaedah dan strategi penyampaian dan sistem pentaksirannya yang teratur. **Pendidikan berasaskan komuniti** pula merujuk kepada pendekatan pendidikan yang melibatkan penyertaan aktif masyarakat setempat dalam proses membentuk peribadi, sahsiah dan memupuk nilai, di mana ia menghubungkan pembelajaran formal dengan konteks kehidupan sebenar komuniti – aspirasi, keperluan dan nilai setempat – dan menekankan kepentingan kerjasama semua pemegang taruh utama – sekolah, pelajar, ibu bapa, organisasi tempatan, dan seluruh masyarakat.

Sebahagian besar daripada proses pendidikan yang dialami oleh **Hasan** sebagai seorang anak yatim piatu adalah berbentuk pendidikan berasaskan komuniti. Dalam persekitaran sosiobudaya yang serba mencabar – tanpa kasih sayang orang tua kecuali kasih dan belas simpati dari kawan sebaya – **Mansur** dan **Mahani**, dan dari orang dewasa – **Aziz** dan **Sulaiman**, pendidikan Hassan terbentuk dari keinsafan tentang survival diri yang perlu dia sendiri tentukan, bertunjangkan bakat, semangat gigih dan iltizam tinggi untuk menjadi seorang pemuzik – bidang seni yang amat dia minati.

Pekerjaan sebagai pendayung perahu yang diberi oleh **Aziz** yang bersimpati dan memahami keadaan serta keperluan sehariannya, mengajar Hassan untuk menghargai makna peluang dalam mencorakkan kejayaan hidup,

(Hassan: Aku dapat kerja baru di pengkalan... Dan Aziz tuan yang punya perahu telah bermurah hati membenarkan aku tinggal di dalam pondok di pengkalan itu),

sementara **Sulaiman** seorang pemain dan guru biola memahami bakat serta minat mendalam Hassan terhadap muzik,

(Hassan: Tiap-tiap malam selepas dari kerja sama ada hujan ataupun ribut, aku selalu pergi ke satu kampung lain di mana aku belajar main biola... Encik Sulaiman telah bersusah payah mengajar aku mengesek biola. Andai kata tidak kerana dia, tentulah aku tidak mengerti apa yang dikatakan muzik... Kadang-kadang aku terus belajar hingga jauh malam.)

Hassan meskipun tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal, namun teman sebaya dan orang dewasa yang prihatin serta memiliki semangat kepedulian sosial dan merasa sama-sama bertanggungjawab untuk membantu (*having a sense of social accountability*), dan sentiasa juga bersedia untuk bersama membimbing serta memberi dorongan positif kepada insan yang memerlukan – keluarga angkat yang mengutamakan disiplin dan amanah; majikan yang prihatin dan bertanggungjawab; dan seorang tokoh pemuzik yang tekun membantu membentuk bakat dan jati dirinya – telah memungkinkan dia membesar menjadi seorang insan yang bertanggungjawab dan berjaya menjadi seorang pemuzik yang terkenal.

Tambahan pula, meskipun dalam ekosistem pendidikan dan sosiobudaya yang tidak begitu sempurna, tetapi oleh kerana bersikap rendah diri, berdisiplin tinggi dalam menimba ilmu, dan gigih berusaha untuk mengasah bakat demi mencapai cita-citanya, Hassan beroleh kejayaan akhirnya. Di sini kita melihat hakikat bahawa kejayaan pendidikan memerlukan bukan sahaja kegigihan dan kesungguhan peribadi tetapi juga bimbingan dan dorongan daripada orang yang lebih berpengalaman dan matang.

Dalam filem *Anakku Sazali* **kejayaan Hassan membesar sebagai pemuzik** yang terkenal adalah kerana minat, bakat, kesungguhan dan kesediaan untuk

memanfaatkan peluang yang diberi meskipun kecil atau sedikit. Sementara **kegagalannya sebagai seorang ayah** dalam mendidik Sazali pula adalah kerana kurangnya pengalaman peribadi hidup dalam bimbingan dan didikan keluarga yang sempurna. Sebagai anak yatim piatu, Hassan bergantung kepada ihsan dan belas kasih orang lain (keluarga **Encik Ismail & Cik Mah**), dan bukan yang datang dari ibu bapanya sendiri. Apa bila membesarkan Sazali di rumah, **Hassan** tidak memiliki pengalaman keibubapaan yang boleh dirujuk dalam membimbing anaknya Sazali. Dia bersendirian, tanpa sokongan moral dan spiritual dari seorang isteri yang dapat berperanan sebagai pembantu dan sekaligus sebagai rakan yang dapat membimbing beliau bertindak rasional dan secara objektif dalam mendidik Sazali. Di luar pula, pendidikan Sazali kurang mendapat sokongan masyarakat setempat khususnya dalam usaha untuk sama-sama mengawas dan memantau pelakuan yang tidak bertanggungjawab atau terkeluar dari norma biasa yang diterima oleh masyarakat yang berbudi dan berbahasa.

Di sebalik itu, meskipun berdaftar sebagai seorang pelajar sekolah untuk mengikuti pendidikan formal yang berstruktur, oleh kerana **Sazali** tidak tekal mematuhi peraturan dan tuntutan disiplin serta tidak menghayati nilai-nilai yang terdapat dalam pendidikan formal secara bertanggungjawab – seperti ponteng, bermain-main dan berbohong – dia gagal memanfaatkan ilmu, nilai insani dan kemahiran sosial sepenuhnya dari peluang yang disediakan itu. Tambahan kepada itu, Sazali kurang mendapat sokongan pendidikan berasaskan komuniti kerana di rumah, Hassan sebagai seorang ayah tunggal terlalu memanjakannya dengan kemewahan sehingga beberapa kali dia gagal menegur dan membetulkan kesilapannya, dan kerap pula menerima tanpa berprasangka alasan-alasan yang diberi untuk mempertahankan perbuatannya yang bertentangan dengan nilai dan norma yang diterima masyarakat.

Hassan terlalu memanjakan Sazali kerana tidak mahu menyakiti perasaannya, terutama kerana menyedari dia ketiadaan kasih sayang seorang ibu. Keadaan ini telah menyebabkan Sazali membesar tanpa memahami sempadan antara betul dan salah. Ketidadaan kehadiran seorang ibu sebagai pembimbing rohani dan emosi turut menjadi faktor yang meninggalkan jiwa Sazali kosong dari perasaan kasih sayang dan rasa bertanggungjawab terhadap setiap pelakuannya. Sebagai seorang ayah Hassan

hanya mampu **menjaga** keperluan seharian Sazali, tetapi tidak mungkin mampu sepenuhnya menggantikan peranan seorang ibu dalam **memberikan kasih sayang yang membimbing secara berhemah tanpa terlalu berlebihan memanjakan**. Bagi Hasan kasih sayang dan tanggungjawab seorang ayah adalah menjaga dan memberi keselesaan, kesenangan, kepuasan dan kebebasan hidup kepada Sazali.

Sazali menyedari perkara ini dan menempatkan **punca masalah yang dihadapinya pada kegagalan Hassan membimbingnya dengan sempurna**,

“Bapa membesarkan Sazali dengan membabi buta sahaja. Segala apa kemahuan Sazali bapa tunaikan, segala apa hajat Sazali bapa sempurnakan sehingga Sazali pandai bercakap bohong pada bapa, sehingga Sazali menipu...menipu untuk kepentingan diri.”

“Apabila Sazali dewasa, Sazali perlu banyak wang, tapi bapa tidak mampu. Sekarang Sazali punya wang dan kuasa, dan segala-galanya. Semuanya dari tenaga Sazali sendiri bapa tahu?”

“Bapalah yang bertanggungjawab ke atas segala kelakuan baik dan buruk Sazali.”

Sazali yang hidupnya dilimpahkan dengan kesenangan yang berlebihan di rumah tidak dididik untuk menjadi seorang anak yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan keluarga kerana salah tafsir tentang erti kasih sayang, Hassan melakukan segala-galanya – menjaga dan melindungi Sazali – tanpa memberinya sebarang tanggungjawab atau memupuk rasa kebertanggungjawaban sosial dan kerohanian.

Di luar lingkungan rumah dan keluarga pula, Sazali kurang mendapat pendidikan atau bimbingan dari masyarakat setempat kerana terlalu mendapat perlindungan ayahnya. Akibatnya, Sazali membesar sebagai individu yang tidak tahu menghormati orang tua, memanipulasikan kepercayaan yang diberi, bermegah-megah dengan kekayaan, melanggar peraturan dan undang-undang, bersikap sombong dan angkuh, dan akhirnya terlibat dalam aktiviti jenayah yang merosakkan dirinya sendiri dan rakan-rakannya.

Dalam konteks ini, keseimbangan antara **menjaga** dan **mendidik serta membimbing** yang lebih wajar disempurnakan oleh kedua-dua pihak ibu dan bapa, dan pendidik dan masyarakat, adalah sangat penting untuk memungkinkan berlakunya kesepaduan pendidikan formal dan pendidikan berasaskan komuniti yang lengkap dan menyeluruh dalam usaha merealisasikan kemenjadian insan dalam kalangan anak-anak.

Filem *Anakku Sazali* memberi pengajaran jelas bahawa pendidikan formal dan pendidikan berasaskan komuniti tidak harus dilihat secara terpisah – kedua-duanya harus saling melengkapi. Gabungan pendidikan formal dan pendidikan komuniti amat penting dalam membentuk generasi yang seimbang dari aspek intelektual dan moral, dan kegagalan membimbing dan mendidik anak melalui kedua-dua pendekatan ini boleh membawa kesan buruk bukan sahaja kepada individu, tetapi juga masyarakat secara keseluruhan. Dalam kata lain, pandangan tentang kejayaan dan kegagalan pendidikan dapat kita lihat dari jendela *Anakku Sazali*. Pendidikan yang sempurna memerlukan kasih sayang, dorongan, kerjasama ibu dan bapa, institusi pendidikan formal, dan komuniti. Tanpa keseimbangan ini, generasi muda akan kehilangan arah dan tujuan serta nilai hidup yang sebenar.

4. Kesimpulan

Saya berpandangan filem **Anakku Sazali** benar-benar merupakan jendela pendidikan. Selain menyediakan lagu-lagu yang amat mendalam makna liriknya – imejan padat tentang kehidupan dan kasih sayang, sebagai contoh,

Tanya sama hati apa asal sayang
adakah tandanya nampak dipandang
kumbang rayu bunga, bulan dan bintangnya
punya tanda-tanda hubungan mesra

Tanya sama hati pernahkah merindu
ingat masa lena apa mimpimu
masa berjauhan apa nan dikenang
bila difahamkan itulah sayang

Jikalau tidak kerana sayang
kuntuman kasih tak mungkin kembang
andainya jemu mengganti rindu
jambangan mesra tentulah layu,

ia juga membuka tingkap seluas-luasnya kepada pemandangan tentang proses pendidikan bagi generasi muda dalam masyarakat. Selain menyampaikan mesej-mesej moral, nilai-nilai kemanusiaan, dan pengajaran sosial, filem *Anakku Sazali* membuka minda kita untuk memahami gambaran dan makna berkaitan dengan pendidikan yang berjaya dan yang gagal, pendidikan formal dan pendidikan berasaskan komuniti, dan kepentingan menjaga, membimbing dan mendidik dalam proses membentuk manusia untuk menjadi insan yang kamil.

Filem ini menempatkan **keluarga** dan **rakan sebaya** sebagai unsur penting dalam ekosistem pendidikan yang berkesan – tentang tanggungjawab dan kasih sayang dalam institusi keluarga, dan mengenai hubungan keluarga yang kukuh dan saling melengkapi berpaksikan nilai-nilai murni seperti kepercayaan, kejujuran dan keikhlasan. Filem ini juga meletakkan pentingnya pertimbangan kerohanian, moral dan nilai insaniah sebagai tunjang membentuk insan yang kamil dan juga sebagai asas membina kebijaksanaan dalam membuat pilihan atau membuat keputusan.

Secara keseluruhannya, filem *Anakku Sazali* berfungsi sebagai jendela pendidikan dengan menyampaikan pelbagai mesej moral, sosial, dan keluarga yang relevan dalam membentuk masyarakat yang lebih baik. Selain menghiburkan, ia mengajak penonton berfikir tentang tanggungjawab, nilai kemanusiaan, dan akibat serta kesan jangka panjang setiap tindakan dalam kehidupan seharian. Antara aspek penting yang boleh diambil dari filem ini adalah mengenai: pentingnya bimbingan dan didikan awal yang seharusnya bermula dari rumah; pentingnya disiplin dalam hidup; pentingnya pengaruh persekitaran – terutama rakan-rakan sebaya; pentingnya pendidikan dan amalan hidup beragama; dan pentingnya kasih sayang yang berwajaran dan seimbang.

Filem **Anakku Sazali** memberikan gambaran yang jelas bagaimana kegagalan pelaksanaan sistem pendidikan – baik formal mahupun pendidikan berasaskan komuniti – boleh menghasilkan individu yang rosak akhlaknya. Ia menjadi kritikan sosial tentang pentingnya peranan ibu bapa, institusi pendidikan, rakan sebaya dan komuniti dalam membentuk seorang insan. Jika pendidikan formal dan pendidikan berasaskan komuniti digabung secara seimbang, barulah potensi anak-anak seperti Sazali boleh dibentuk secara menyeluruh – bukan hanya dari segi kasih sayang, tetapi juga nilai, akhlak, ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga perasaan kebertanggungjawaban sosial.

Akhir kalam, melalui filem **Anakku Sazali**, kita dapat melihat dan belajar dari jendelanya bahawa pendidikan yang berkesan memerlukan kewujudan ekosistem sosiobudaya yang sihat serta saling melengkapi di mana tidak dinafikan pentingnya tempat dan peranan keluarga, rakan sebaya, komuniti sekolah, institusi sosial dan masyarakat setempat, dan juga tidak terpinggir aspek ilmu pengetahuan, kemahiran sosial, pengamalan nilai-nilai kerohanian, dan ahlak serta sahsiah dalam proses membentuk anak-anak untuk menjadi insan yang berguna dan bertanggungjawab bukan Sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.